

# MRT Corp runding bina stesen sepadu di BB Plaza

**M**ASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mengesahkan ia sedang berunding dengan kerajaan untuk membina stesen bawah tanah yang disepadukan dengan Bukit Bintang Plaza (BB Plaza).

Ketua Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid, berkata rancangan menyepadukan stesen itu dengan BB Plaza akan memastikan projek berkenaan tidak membabitkan hartanah persendirian dan pada masa sama menyediakan peluang keemasan untuk menonjolkan semula BB Plaza yang berusia hampir 40 tahun.

Beliau berkata, perbincangan antara pemilik hartanah dan peniaga di Jalan Bukit Bintang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berlangsung pada Mac lalu, selepas Perdana Menteri membangkitkan kebimbangan berhubung cadangan penutupan perniagaan selama lima tahun di kawasan yang terbabit.

MRT Corp, katanya meneliti tiga penyelesaian alternatif yang akhirnya memu-



*MRT Corp, meneliti tiga penyelesaian alternatif yang akhirnya memutuskan pilihan untuk menggabungkan stesen*



**Azhar Abdul Hamid**  
Ketua Eksekutif MRT Corp

tuskan pilihan untuk menggabungkan stesen itu.

“Ia penyelesaian terbaik kerana menyediakan peluang kepada UDA Holdings untuk membangunkan semula BB Plaza, dengan miliki kelebihan sambungan terus ke kemudahan peng-

angkutan awam utama itu.

“Sambungan ke prasarana ini akan membawa manfaat besar kepada gedung beli-belah itu. Kami mengadakan beberapa mesyuarat dengan Kementerian Kewangan, sebagai pemilik UDA Holdings, untuk menghubungkan stesen itu ke BB Plaza.

“Perbincangan sedang diteruskan,” katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur semalam.

Beliau turut menjelaskan laporan Bernama bahawa MRT Corp akan membeli BB Plaza.

“Perlu diperjelaskan bahawa tidak pernah ada sebarang rancangan untuk membeli BB Plaza. Tumpuan utama kami ketika ini adalah membina laluan MRT Sungai Buloh – Kajang (SBK).

“Pada tahap ini, kami tidak mahu diganggu oleh pembangunan hartanah. Semua perbincangan kami dengan Kementerian Kewangan adalah untuk mencari penyelesaian bagi menangani kebimbangan Perdana Menteri,” katanya. – BER-NAMA